



HUBUNGAN KESEDIAAN PELAJAR DENGAN PENCAPAIAN EKONOMI 944 DALAM PEMBELAJARAN SISTEM MODULAR TINGKATAN ENAM



WAN NURNABILA BINTI WAN MUHAMAD SABRI

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2020





HUBUNGAN KESEDIAAN PELAJAR DENGAN PENCAPAIAN EKONOMI 944
DALAM PEMBELAJARAN SISTEM MODULAR TINGKATAN ENAM

WAN NURNABILA BINTI WAN MUHAMAD SABRI



DISERTASI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK
MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN (PENGURUSAN
PENDIDIKAN)
(MOD PENYELIDIKAN DAN KERJA KURSUS)

FAKULTI PENGURUSAN & EKONOMI
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2020





Sila tanda (✓)

Kertas Projek

Sarjana Penyelidikan

Sarjana Penyelidikan dan Kerja Kursus

Doktor Falsafah

/

INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH**PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN**

Perakuan ini telah dibuat pada ..15...(hari bulan)...SEPT..... (bulan) 20.20...

i. Perakuan pelajar :

Saya, WAN NURNABILA BINTI WAN MUHAMAD SABRI, M20161000547, Fakulti Pengurusan & Ekonomi (SILA NYATAKAN NAMA PELAJAR, NO. MATRIK DAN FAKULTI) dengan ini mengaku bahawa disertasi/tesis yang bertajuk HUBUNGAN KESEDIAAN PELAJAR DENGAN PENCAPAIAN EKONOMI 944 PEMBELAJARAN SISTEM MODULAR TINGKATAN ENAM

adalah hasil kerja saya sendiri. Saya tidak memplagiat dan apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan dengan sejasanya dan secukupnya

Tandatangan pelajar

ii. Perakuan Penyelia:

Saya, PROFESOR MADYA DR. RAMLEE BIN ISMAIL (NAMA PENYELIA) dengan ini mengesahkan bahawa hasil kerja pelajar yang bertajuk _____

HUBUNGAN KESEDIAAN PELAJAR DENGAN PENCAPAIAN EKONOMI 944

DALAM PEMBELAJARAN SISTEM MODULAR TINGKATAN ENAM

(TAJUK) dihasilkan oleh pelajar seperti nama di atas, dan telah diserahkan kepada Institut Pengajian Siswazah bagi memenuhi sebahagian/sepenuhnya syarat untuk memperoleh Ijazah IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN (PENGURUSAN PENDIDIKAN) (SLA NYATAKAN NAMA IJAZAH).

Tarikh

Tandatangan Penyelia





INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH / INSTITUTE OF GRADUATE STUDIES

BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS/DISERTASI/LAPORAN KERTAS PROJEK DECLARATION OF THESIS/DISSERTATION/PROJECT PAPER FORM

Tajuk / Title: HUBUNGAN KESEDIAAN PELAJAR DENGAN PENCAPAIAN EKONOMI 944
DALAM PEMBELAJARAN SISTEM MODULAR TINGKATAN ENAM

No. Matrik /Matric No.: M20161000547

Saya / I : WAN NURNABILA BINTI WAN MUHAMAD SABRI
(Nama pelajar / Student's Name)

mengaku membenarkan Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek (Kedoktoran/Sarjana)* ini disimpan di Universiti Pendidikan Sultan Idris (Perpustakaan Tuanku Bainun) dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-

acknowledged that Universiti Pendidikan Sultan Idris (Tuanku Bainun Library) reserves the right as follows:-

1. Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek ini adalah hak milik UPSI.
The thesis is the property of Universiti Pendidikan Sultan Idris
2. Perpustakaan Tuanku Bainun dibenarkan membuat salinan untuk tujuan rujukan dan penyelidikan.
Tuanku Bainun Library has the right to make copies for the purpose of reference and research.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan Tesis/Disertasi ini sebagai bahan pertukaran antara Institusi Pengajian Tinggi.
The Library has the right to make copies of the thesis for academic exchange.

4. Sila tandakan (✓) bagi pilihan kategori di bawah / *Please tick (✓) from the categories below:-*

☐ **SULIT/CONFIDENTIAL**

Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub dalam Akta Rahsia Rasmi 1972. / *Contains confidential information under the Official Secret Act 1972*

☐ **TERHAD/RESTRICTED**

Mengandungi maklumat terhad yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan ini dijalankan. / *Contains restricted information as specified by the organization where research was done.*

☐ **TIDAK TERHAD / OPEN ACCESS**

(Tandatangan Pelajar/ Signature)

(Tandatangan Penyelia / Signature of Supervisor)
& (Nama & Cop Rasmi / Name & Official Stamp)

Tarikh: _____

Catatan: Jika Tesis/Disertasi ini **SULIT @ TERHAD**, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh laporan ini perlu dikelaskan sebagai **SULIT** dan **TERHAD**.

Notes: If the thesis is CONFIDENTIAL or RESTRICTED, please attach with the letter from the related authority/organization mentioning the period of confidentiality and reasons for the said confidentiality or restriction.



PENGHARGAAN

Syukur ke hadrat Ilahi dengan limpah dan kurniaNya telah mempermudah saya dalam menyiapkan tesis ini. Saya juga amat bersyukur kerana telah diizinkanNya memperoleh sokongan dan bantuan daripada individu-individu tertentu selama menjalani pengajian sarjana yang sungguh mencabar ini. Terlebih dahulu saya ingin rakamkan ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada Profesor Dr Ramlee Bin Ismail selaku penyelia saya di atas segala tunjuk ajar, dorongan dan nasihat sepanjang tempoh menyiapkan tesis serta bimbingan semasa saya mengikuti program Pengurusan Pendidikan ini.

Penghargaan juga ditujukan kepada Pengarah Jabatan Pendidikan Negeri Pahang, Pengetua, GPK dan pelajar-pelajar sekolah-sekolah Tingkatan Enam di Pahang yang memberikan kerjasama yang sepenuhnya dalam memudahkan urusan pengumpulan data untuk kajian.

Ucapan terima kasih kepada Kementerian Pendidikan Malaysia yang telah memberikan kebenaran dan kelulusan untuk menjalankan kajian.

Sokongan dan bantuan yang berterusan dari rakan-rakan seperjuangan yang turut sama mengikuti program sarjana ini amatlah saya hargai.

Akhir sekali, saya terhutang budi kepada suami, ibu, ayah, adik-adik dan anak-anak saya yang telah banyak berkorban untuk saya. Banyak masa untuk mereka telah saya korbankan untuk menyiapkan tesis ini.

Segala sokongan dan bantuan yang anda semua berikan, akan saya kenang hingga akhir hayat. Wassalam.



ABSTRAK

Kajian ini bertujuan mengenal pasti hubungan elemen-elemen kesediaan pelajar iaitu sikap, dorongan, penilaian dan persekitaran dengan pencapaian pelajar bagi mata pelajaran Ekonomi 944 dalam sistem modular Tingkatan 6. Kajian ini menggunakan reka bentuk korelasi. Pemboleh ubah kajian dipilih berdasarkan model WIHIC (*What Is Happening In This Class?*) oleh Fraser, Mc Robbie dan Fisher yang terdiri daripada sikap, dorongan, penilaian dan persekitaran. Sikap dilihat daripada aspek koheren dan kerjasama manakala dorongan pula terdiri daripada aspek sokongan serta penglibatan. Penilaian pula terdiri daripada aspek kerja kursus, orientasi tugas dan ekuiti. Persekitaran pula merujuk kepada persekitaran kelas dan kemudahan asas di sekolah. Sampel kajian terdiri daripada 282 orang pelajar yang telah dipilih secara rawak berstrata daripada 616 pelajar Tingkatan Enam di 10 buah daerah di negeri Pahang. Penentuan saiz sampel berdasarkan jadual saiz sampel Krejcie and Morgan. Instrumen kajian terdiri daripada satu set soal-selidik yang telah diadaptasi daripada WIHIC. Dapatan kajian daripada elemen sikap menunjukkan responden kerap ($M = 3.97$; $SP = 0.54$) mengamalkan sikap positif serta mendapat dorongan ($M = 3.61$; $SP = 0.60$) yang baik daripada guru dan rakan. Elemen penilaian pula menunjukkan pelajar kerap ($M = 3.78$; $SP = 0.52$) berkerjasama untuk menyiapkan kerja kursus. Dalam konteks persekitaran dan kemudahan kelas, responden kurang kerap ($M = 3.03$; $SP = 0.58$) memberi maklumbalas positif. Dapatan empirikal juga menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan tetapi lemah [$r(282) = 0.126$; $p < 0.05$] di antara elemen penilaian dan pencapaian. Begitu juga, terdapat hubungan yang signifikan tetapi lemah [$r(282) = 0.118$; $p < 0.05$] di antara persekitaran dan kemudahan kelas dengan pencapaian. Elemen sikap dan dorongan tidak menunjukkan hubungan yang signifikan dengan pencapaian. Kesimpulannya, dapatan utama kajian menunjukkan hanya elemen penilaian, persekitaran serta kemudahan kelas yang mempunyai hubungan dengan pencapaian pelajar. Implikasi kajian menunjukkan elemen penilaian dapat memberi impak terhadap pencapaian pelajar manakala iklim bilik darjah yang positif boleh mendorong pembelajaran pelajar. Justeru, kedua-dua aspek ini perlu dititikberatkan oleh pelajar dan guru tingkatan enam.





STUDENTS' READINESS RELATIONSHIP TOWARDS THE ACHIEVEMENT OF ECONOMICS 944 IN FORM SIX MODULAR LEARNING SYSTEM

ABSTRACT

This purpose of this study is to identify the relationship between the elements of student readiness, namely attitude, motivation, assessment and environment with student achievement for the subject of Economics 944 in the Form 6 modular system. This study uses correlation design. The study variables were selected based on the WIHIC (*What Is Happening In This Class?*) model by Fraser, Mc Robbie and Fisher consisting of attitudes, motivations, evaluations and environment. Attitudes are seen from the aspect of coherence and cooperation while encouragement consists of aspects of support and involvement. Assessment consists of coursework aspects, task orientation and equity. Environment refers to the classroom environment and basic facilities in the school. The study sample consisted of 282 students who were randomly selected stratified from 616 Form Six students in 10 districts in the state of Pahang. Sample size determination based on Krejcie and Morgan sample size table. The research instrument consists of a set of questionnaires that have been adapted from WIHIC. Findings from the attitude element showed that respondents often ($M = 3.97$; $SP = 0.54$) practiced a positive attitude and received good encouragement ($M = 3.61$; $SP = 0.60$) from teachers and friends. The assessment element shows that students often ($M = 3.78$; $SP = 0.52$) work together to complete coursework. In the context of the classroom environment and facilities, respondents less often ($M = 3.03$; $SP = 0.58$) gave positive feedback. Empirical findings also indicate that there is a significant but weak relationship [$r(282) = 0.126$; $p < 0.05$] between evaluation and achievement elements. Similarly, there was a significant but weak relationship [$r(282) = 0.118$; $p < 0.05$] between classroom environment and facilities with achievement. Attitude and drive elements did not show a significant relationship with achievement. In conclusion, the main findings of the study show only the elements of assessment, environment and classroom facilities that have a relationship with student achievement. The implications of the study show that the evaluation element can have an impact on student achievement while a positive classroom climate can encourage student learning. Therefore, these two aspects need to be emphasized by form six students and teachers.



KANDUNGAN

Muka Surat

PERAKUAN	ii
PENGESAHAN PENYERAHAN	iii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	v
ABSTRACT	vi
KANDUNGAN	vii
SENARAI RAJAH	xi
SENARAI JADUAL	xii
SENARAI LAMPIRAN	xiv
BAB 1 PENGENALAN	
1.1 Pendahuluan	1
1.2 Latar belakang kajian	4
1.3 Permasalahan kajian	8
1.4 Objektif	10
1.5 Soalan Kajian	11
1.6 Hipotesis	12
1.7 Kerangka konseptual	13
1.8 Definisi operasi	14
1.9 Skop Kajian	16
1.10 Signifikan kajian	17
1.11 Penutup	18

BAB 2 SOROTAN LITERATUR

2.1	Pengenalan	19
2.2	Persekitaran Pembelajaran Prauniversiti	20
2.3	Konsep kesediaan pelajar	22
2.3.1	Sikap	22
2.3.2	Dorongan	24
2.3.3	Penilaian	24
2.3.4	Persekitaran dan kemudahan asas	25
2.4	Kajian-kajian lepas	27
2.4.1	Sikap dan Dorongan	27
2.4.2	Penilaian pelajar	35
2.4.3	Persekitaran dan kemudahan kelas	36
2.5	Faktor jantina terhadap pencapaian	39
2.6	Rumusan	41

BAB 3 METODOLOGI KAJIAN

3.1	Pendahuluan	42
3.2	Rekabentuk Kajian	43
3.3	Populasi dan sampel kajian	43
3.4	Penentuan Sampel	44
3.5	Instrumen kajian	45
3.5.1	Koheren pelajar	46
3.5.2	Sokongan pembelajaran	46
3.5.3	Penglibatan pelajar	47
3.5.4	Tugasan dan kerja kursus	47
3.6	Prosedur pungutan data	50

3.7	Analisis Data	51
3.7.1	Skala bagi tahap	54
3.7.2	Ujian T	55
3.7.3	Korelasi Pearson	56
3.8	Kajian rintis	56
3.9	Etika kajian	59
3.10	Rumusan/penutup	59

BAB 4 DAPATAN KAJIAN

4.1	Pendahuluan	61
4.2	Analisis Deskriptif	62
4.3	Analisis Inferens	64
4.3.1	Sikap	65
4.3.2	Dorongan	67
4.3.3	Penilaian	69
4.3.4	Persekitaran dan Kemudahan Asas	73
4.4	Rumusan item bagi faktor-faktor yang mempengaruhi elemen-elemen kesediaan pelajar	74
4.5	Ujian Normaliti	75
4.6	Analisis Hipotesis Kajian (Ujian T)	76
4.7	Analisis Hipotesis Kajian (Korelasi)	80
4.7.1	Menentukan hubungan yang signifikan antara elemen-elemen kesediaan pelajar dengan pencapaian berdasarkan PNGK pelajar bagi penggal satu dan dua	80

4.7.2	Hubungan antara kesediaan pelajar dengan persekitaran pembelajaran modular	84
4.8	Rumusan Hipotesis dan Keputusan Kajian	88
4.9	Penutup	89

BAB 5 PERBINCANGAN

5.1	Pengenalan	91
5.2	Perbincangan	92
5.2.1	Demografi responden	93
5.2.2	Sikap Pelajar	93
5.2.3	Dorongan	94
5.2.4	Penilaian Pelajar	95
5.2.5	Persekitaran dan Kemudahan Asas	97
5.2.6	Perbezaan elemen-elemen kesediaan pelajar yang dikaji berdasarkan jantina responden	98
5.2.7	Perbezaan pencapaian antara pelajar lelaki dan perempuan	100
5.2.8	Kesediaan pelajar dengan pencapaian pelajar	102
5.2.9	Hubungan di antara elemen-elemen kesediaan pelajar dengan persekitaran pembelajaran modular	108
5.3	Implikasi dan Cadangan	110
5.4	Penutup	113

RUJUKAN		105
----------------	--	-----



SENARAI RAJAH

No Rajah

Muka Surat

1	Kerangka Konsep elemen kesediaan pelajar dengan pencapaian pelajar	13
---	--	----



SENARAI JADUAL

No Jadual		Muka Surat
3.1	Jumlah pelajar-pelajar tingkatan enam atas mengikut daerah di Negeri Pahang.	44
3.2	Jumlah sampel minimum yang perlu diambil berdasarkan populasi kajian	45
3.3	Analisis data yang digunakan bagi setiap objektif kajian	51
3.4	Anggaran Kekuatan Perhubungan Antara Dua Pemboleh Ubah	56
3.5	Item soalan di dalam elemen kesediaan pelajar	58
3.6	Nilai Cronbach Alfa bagi setiap elemen soal selidik	58
4.1	Pencapaian responden dalam mata pelajaran Ekonomi	63
4.2	Koheren	65
4.3	Kerjasama	66
4.4	Sokongan Guru	67
4.5	Penglibatan Pelajar	68
4.6	Kerja Kursus	69
4.7	Orientasi Tugas	70
4.8	Ekuiti	72
4.9	Persekitaran dan Kemudahan Asas	73
4.10	Jadual rumusan item bagi elemen-elemen kesediaan pelajar	74
4.11	Perbezaan di antara Sikap berdasarkan jantina	76
4.12	Perbezaan elemen Dorongan berdasarkan jantina	77
4.13	Perbezaan elemen Penilaian berdasarkan jantina	77
4.14	Perbezaan elemen Persekitaran dan kemudahan kelas berdasarkan jantina	78

No Jadual		Muka Surat
4.15	Perbezaan pencapaian berdasarkan jantina	78
4.16	Elemen Sikap Pelajar terhadap Pencapaian	80
4.17	Elemen Dorongan terhadap Pencapaian	81
4.18	Hubungan elemen Penilaian terhadap pencapaian akademik	81
4.19	Persekitaran dan kemudahan kelas terhadap pencapaian akademik	83
4.20	Elemen sikap dengan persekitaran pembelajaran modular	84
4.21	Elemen dorongan dengan persekitaran pembelajaran modular	85
4.22	Elemen penilaian dengan persekitaran pembelajaran modular	86
4.23	Korelasi antara persekitaran dan kemudahan kelas dengan persekitaran pembelajaran	87
4.24	Rumusan hipotesis dan keputusan kajian	88



SENARAI LAMPIRAN

- A Kelulusan untuk Menjalankan Kajian di Sekolah, Institut Pendidikan Guru, Jabatan Pendidikan Negeri dan Bahagian di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia
- B Kebenaran Menjalankan Kajian di Sekolah dan Jabatan Pendidikan di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia
- C Perlantikan sebagai Penyelia bagi Pelajar Ijazah Sarjana
- D Soalan Kaji selidik





BAB 1

PENGENALAN



1.1 Pendahuluan

Sistem pendidikan di Malaysia telah mengalami beberapa perubahan dan transformasi sejak daripada negara kita merdeka bagi memastikan standard pendidikan di Malaysia adalah bertaraf dunia. Pendidikan di Malaysia terdiri daripada beberapa peringkat iaitu prasekolah, diikuti pendidikan rendah, pendidikan menengah dan pengajian tinggi. Pendidikan sekolah rendah diwajibkan bagi setiap kanak-kanak dalam undang-undang Malaysia (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2013).





Kementerian Pendidikan Malaysia menguruskan sistem sekolah rendah, menengah, dan di peringkat pengajian tinggi yang meliputi prauniversiti dan universiti. Peperiksaan awam yang perlu diduduki oleh pelajar di peringkat rendah iaitu Ujian Penilaian Sekolah Rendah (UPSR), diikuti di peringkat menengah iaitu Penilaian Tingkatan Tiga (PT3) dan Sijil Peperiksaan Malaysia (SPM). Selepas menduduki peperiksaan SPM, pelajar akan melanjutkan pelajaran mengikut aliran masing-masing, sama ada *A-level*, Matrikulasi, Diploma atau tingkatan enam. Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) atau *Malaysian Higher School Certificate* adalah peperiksaan prauniversiti yang diduduki oleh pelajar Malaysia di tingkatan enam. Peperiksaan ini dahulunya dikenali sebagai *Higher School Certificate* (HSC). Badan yang bertanggungjawab ialah Majlis Peperiksaan Malaysia (MPM) yang juga menyediakan *Malaysian University English Test* (MUET), berbeza dengan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM), Penilaian Menengah Rendah (PMR) dan *Ujian Penilaian Sekolah Rendah* (UPSR) yang disediakan oleh Lembaga Peperiksaan Malaysia (LPM). Walau bagaimanapun, kedua-dua LPM dan MPM adalah terletak di bawah Kementerian Pelajaran Malaysia. STPM adalah salah satu daripada dua saluran prauniversiti yang utama untuk kemasukan universiti awam Malaysia. Sistem yang lain pula adalah program matrikulasi yang dilaksanakan oleh Kementerian Pelajaran dan juga *A-Level* dan program diploma. STPM diiktiraf oleh banyak universiti di peringkat antarabangsa, terutamanya universiti di negara-negara Komanwel, Amerika dan Ireland. Kebanyakan universiti mengiktiraf keputusan STPM sama taraf dengan peperiksaan *A-level*.





Subjek Ekonomi 944 adalah salah satu subjek yang ditawarkan dalam STPM sistem modular aliran kemanusiaan di tingkatan enam. Bermula tahun 2012, sistem modular telah menggantikan sistem terminal yang sedia ada untuk Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM). Selain itu, keputusan peperiksaan di bawah sistem penilaian baru STPM dipantau oleh wakil daripada Taksiran Cambridge untuk mengekalkan kualiti dan piawaian. Tempoh bagi peperiksaan Tingkatan 6 adalah setahun setengah. Ini menjadikan tiga semester, satu semester mewakili enam bulan dan kiraan markah adalah dalam bentuk Purata Nilai Gred Keseluruhan (PNGK).

Berbanding dengan sistem terminal, sistem modular baru memperkenalkan pecahan subjek ekonomi dengan lebih jelas. Pada penggal satu pelajar perlu mengambil kertas Mikroekonomi diikuti pada Penggal kedua pula pelajar menduduki subjek Makroekonomi. Manakala pada penggal ketiga pula pelajar perlu menduduki komponen Ekonomi Malaysia. Pelajar yang mengambil subjek ekonomi juga perlu menyiapkan kerja kursus dipenggal ketiga. Wajaran bagi komponen kerja kursus ini adalah 20% bagi keseluruhan markah Ekonomi 944.

Tujuan utama Majlis Peperiksaan Malaysia memperkenalkan sistem peperiksaan yang baharu ini adalah untuk memperbaiki orientasi pengajaran dan pembelajaran tingkatan enam supaya tidak jauh berbeza dengan orientasi pengajaran dan pembelajaran di kolej dan universiti (Hussein, 2014). Penggubalan semula Sukatan Pelajaran Ekonomi ini merupakan proses mengemas kini tajuk, kandungan, dan kemahiran supaya selaras dengan perkembangan semasa. Sukatan pelajaran yang baharu ini mengalami sedikit perubahan di mana beberapa tajuk baharu dimasukkan dalam sukatan seperti tajuk





industri kecil dan sederhana. Selain itu, sukatan pelajaran ini juga memberi penekanan dalam aspek meningkatkan kemahiran menulis, mencari dan menganalisis maklumat, menyelesaikan masalah, dan berkomunikasi secara berkesan dalam kalangan calon melalui kajian luar. Selain itu, melalui sistem baru ini, pelajar dapat memperbaiki keputusan peperiksaan mereka dalam peperiksaan ulangan di penggal tiga.

Proses Penjenamaan Semula Tingkatan Enam adalah salah satu inisiatif Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 untuk memperkasakan pendidikan Tingkatan Enam dengan menumpukan kepada peningkatan dan penambahbaikan imej, infrastruktur, mod pengajaran dan pembelajaran, pengurusan dan kurikulum.



1.2 Latar belakang kajian

Pelajar-pelajar lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) akan menyambung pengajian mereka atau persediaan sebelum memasuki universiti yang dikenali sebagai prauniversiti iaitu yang terdiri daripada Kolej Matrikulasi, Kolej Universiti, Persediaan *A-level* dan Program Diploma. Bagi pelajar yang lebih berkemampuan, mereka memilih untuk menyambung pelajaran ke kolej swasta, selepas berakhirnya Sijil Pelajaran Malaysia. Manakala, pendidikan tingkatan enam menjadi pilihan terakhir pelajar jika tidak mendapat mana-mana tawaran daripada program prauniversiti yang lain (Tang & Tham, 2014).





Evolusi sistem tingkatan enam di Malaysia bermula sebelum merdeka lagi iaitu bermula pada tahun 1952 yang dikenali sebagai sistem terminal. Perkembangan tingkatan enam bermula sejak dari tahun 1972 lagi, ia termasuklah perubahan daripada segi pentadbiran, bidang kuasa, sistem peperiksaan dan lain-lain lagi. Transformasi ini seiring dengan pertambahan waktu serta mengikut aliran zaman dan teknologi. Perkembangan struktur peperiksaan mata pelajaran ekonomi tingkatan enam adalah penting bagi menyediakan asas yang kukuh kepada pelajar sebelum melanjutkan pelajaran di peringkat lebih tinggi iaitu di Universiti. Proses transformasi sistem peperiksaan STPM Malaysia melibatkan beberapa penggubalan format peperiksaan. Majlis Peperiksaan Malaysia adalah badan utama yang bertanggungjawab untuk menyelia peperiksaan STPM bermula pada tahun 1982. Sebelum tahun 1972, peperiksaan ini dikenali sebagai HSC, iaitu terdapat dua kertas bagi mata pelajaran Ekonomi peringkat tingkatan enam. Kedua-dua kertas peperiksaan ini berbentuk esei iaitu kertas Ekonomi Mikro dan Makro. Bermula tahun 1972, rombakan sistem berlaku apabila dikenali sebagai Sijil Tinggi Pelajaran (STP). Sistem peperiksaan masih lagi mempunyai dua kertas peperiksaan tetapi penukaran format untuk kertas satu daripada esei kepada bentuk objektif. Elemen Ekonomi Makro dan Ekonomi Mikro digabungkan dalam kedua-dua kertas itu.

Pada tahun 1983, sekali lagi berlaku perubahan struktur peperiksaan iaitu terdapat tiga kertas peperiksaan yang terdiri daripada kertas satu iaitu bahagian Ekonomi Mikro dan Ekonomi Makro (objektif), kertas dua berbentuk statistik (analisis data) dan kertas tiga iaitu Ekonomi Mikro dan Ekonomi Makro (esei). Pada tahun 1992, berlaku satu lagi perubahan sistem peperiksaan Ekonomi STPM. Peratus wajaran diperkenalkan di mana terdapat tiga kertas peperiksaan yang mempunyai wajaran yang berlainan format. Kertas





satu terdiri daripada 50 soalan objektif dengan wajaran 30%. Kertas dua pula adalah esei dan kuantitatif Mikro (wajaran 35%) dan kertas tiga esei dan kuantitatif bagi skop Ekonomi Makro dan Ekonomi Malaysia (wajaran 35%).

Pada tahun 2003 pula berlaku sekali lagi perubahan dalam format peperiksaan. Kertas peperiksaan dikurangkan kepada dua kertas iaitu kertas satu dengan skop Ekonomi Mikro yang membawa wajaran 50% dan kertas dua dengan skop Ekonomi Makro dengan wajaran 50%. Komponen dalam setiap kertas meliputi empat bahagian iaitu Bahagian A (objektif), Bahagian B (esei pendek), Bahagian C (esei panjang) dan Bahagian D (kuantitatif).



Pada tahun 2012, format kertas peperiksaan Ekonomi 944 terdiri daripada empat kertas. Kertas satu dengan skop Ekonomi Mikro dengan wajaran 32% diduduki oleh pelajar di penggal atau semester satu dan terdiri daripada tiga komponen iaitu objektif, esei dan kuantitatif. Kertas dua pula pada penggal kedua meliputi bahagian Ekonomi Makro dengan wajaran 32% yang mengandungi komponen objektif, esei dan kuantitatif. Manakala kertas tiga ialah Ekonomi Malaysia yang ditawarkan pada penggal ketiga dengan wajaran 16% dan terdiri daripada komponen esei dan kuantitatif. Akhir sekali, kertas empat adalah kertas projek yang dilaksanakan pelajar di penggal dua dengan wajaran 20%.

Sistem peperiksaan tingkatan enam sebelum ini adalah seperti peperiksaan awam yang lain iaitu UPSR, PMR dan SPM di mana pelajar perlu belajar dulu selama beberapa tahun sebelum mengambil peperiksaan. Pelajar tingkatan enam perlu ke sekolah dan





belajar selama dua tahun sebelum menduduki peperiksaan akhir yang dijalankan dalam masa dua hingga tiga minggu di penghujung tahun. Namun, setelah penjenamaan semula tingkatan enam, berlaku penambah fungsi daripada pengurusan, fungsi guru, kebajikan pelajar, sistem peperiksaan yang menyaksikan pembelajaran tingkatan enam lebih kondusif dan teratur berbanding sebelum ini (Tang Keow Ngang & Tham Yoke Mei, 2014).

Peratusan pelajar yang mendaftar tingkatan enam di Pahang menunjukkan penurunan, dan juga bilangan pelajar yang mengambil mata pelajaran ekonomi 944 merosot. Berdasarkan data daripada sebuah sekolah di Pahang pada tahun 2013, menunjukkan pelajar yang mengambil mata pelajaran ekonomi seramai 47 orang, menurun pada tahun 2014 iaitu seramai 42 orang, tahun 2015 seramai 44 orang dan tahun 2016 seramai 34 orang. Sebagai contoh, walaupun statistik di sekolah terbabit menunjukkan penurunan bagi pelajar yang mengambil mata pelajaran ekonomi 944, prestasi pelajar dalam mata pelajaran Ekonomi 944 STPM dalam bentuk PNGK pula menunjukkan penurunan nilai PNGK dari tahun 2013 (2.58) kepada 2014 (2.46) tetapi berlaku peningkatan iaitu pada tahun 2015 (2.28) kepada 2016 (2.74). Penjenamaan semula tingkatan enam bertujuan untuk menarik minat pelajar menyambung pengajian mereka di dalam tingkatan enam. Ia juga ibarat persediaan pelajar sebelum memasuki universiti. Struktur pembelajaran tingkatan enam banyak melibatkan pembelajaran berpusatkan pelajar berbanding semasa mereka di menengah atas, bagi menyediakan persekitaran pembelajaran berasaskan universiti. Ini termasuklah dari segi sistem penggal, kandungan mata pelajaran, persekitaran dan lain-lain (Wright, 2011).





1.3 Permasalahan Kajian

Pendidikan pada peringkat Tingkatan 6 merupakan salah satu cabang yang membolehkan pelajar meneruskan pengajian ke peringkat menara gading. Peringkat ini boleh dianggap sebagai peralihan daripada alam persekolahan ke alam universiti (Nel et al., 2009). Ini termasuklah ke atas pelajar itu sendiri, bagaimana pelajar dapat menyesuaikan diri dengan peperiksaan dalam tempoh tiga semester itu. Adakah pelajar-pelajar beranggapan susah untuk mencapai keputusan yang cemerlang di peringkat STPM berbanding di Kolej Matrikulasi? Pelajar lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) sering menjadikan Tingkatan Enam sebagai pilihan terakhir. Malah peratusan pelajar yang memasuki Tingkatan Enam pada tahun 2010 telah merosot berbanding tahun-tahun sebelumnya (Tang Keow Ngang, 2014).

Melalui penjenamaan semula didapati ada sekolah-sekolah mengalami peningkatan PNGK namun ada sekolah yang mendapati terdapat penurunan PNGK setelah berlakunya rombakan isi kandungan mata pelajaran ekonomi. Ia boleh memberi kesan terhadap kesediaan pelajar untuk belajar dan menduduki peperiksaan. Berdasarkan data daripada Jabatan Negeri Pahang, purata nilai PNGK bagi 29 buah sekolah tingkatan enam di negeri Pahang yang menawarkan mata pelajaran Ekonomi 944 telah terdapat peningkatan nilai PNGK setelah sistem modular dilaksanakan bermula pada tahun 2012. Keseluruhan keputusan PNGK bagi mata pelajaran Ekonomi 944 berada pada tahap sederhana iaitu dalam lingkungan 2.33 iaitu gred C+ hingga 3.00 iaitu gred B (Majlis Peperiksaan Malaysia, 2010). Menurut Majlis Peperiksaan Malaysia (2010), pencapaian





akademik pelajar yang kurang memberangsangkan akan memberi impak kepada enrolmen pelajar ke Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA). Sehubungan dengan itu, pendidikan prauniversiti perlu dipertingkatkan supaya kualiti pendidikan seiring dengan pencapaian cemerlang.

Justeru, pencapaian pelajar amat bergantung kepada persekitaran bilik darjah namun menurut Florine et.al. (2007), sikap pelajar juga adalah faktor pendorong utama bagi kejayaan yang lebih cemerlang. Bagaimana pula elemen lain seperti dorongan kepada pelajar dan penilaian?. Lantaran itu, adalah wajar untuk mengenal pasti hubungan elemen-elemen kesediaan pelajar yang mempengaruhi pencapaian pelajar dalam subjek Ekonomi. Apakah tahap kesediaan pelajar yang terdiri daripada sikap, dorongan, penilaian dan persekitaran dan kemudahan asas terhadap subjek Ekonomi dan juga pencapaian mereka dalam sistem modular. Pengkaji juga ingin melihat sejauh mana pelajar dapat merancang pembelajaran mereka dalam sistem ini dalam mencapai keputusan cemerlang dalam mata pelajaran Ekonomi. Selain itu, kajian ini juga ingin mengkaji faktor kesediaan pelajar mengharungi peperiksaan dalam bidang semester berbanding semasa menduduki peperiksaan SPM yang tidak memerlukan penilaian berterusan dalam sistem semester. Ini bermaksud adakah pelajar berupaya mentransformasikan kesediaan pembelajaran daripada SPM kepada STPM yang memerlukan lebih komitmen, tumpuan serta pendedahan yang lebih sistematik. Ini kerana sikap serta penerimaan pelajar terhadap subjek ini dapat menentukan sama ada pelajar berjaya atau tidak menguasai skop subjek.



Kajian berkaitan Tingkatan Enam yang dilaksanakan di Malaysia tidak banyak. Terdapat kajian berkenaan subjek Pengajian Am oleh Hazilawati (2016) dan Pengajian Perniagaan oleh Kho Ai Peng (2013) tetapi masih tiada kajian berkenaan subjek Ekonomi di peringkat STPM. Malah kajian yang ingin dijalankan juga bagi melihat adakah terdapat perbezaan antara lelaki dan perempuan yang mempunyai hubungan yang signifikan dengan pencapaian pelajar. Ini kerana masih kurang kajian berkenaan perbezaan jantina di peringkat Prauniversiti.

1.4 Objektif



Objektif kajian ini dijalankan ialah untuk:

- i. Menenal pasti tahap sikap, dorongan, penilaian dan persekitaran dan kemudahan kelas terhadap mata pelajaran Ekonomi 944.
- ii. Menenal pasti perbezaan kesediaan pelajar daripada aspek sikap, dorongan, penilaian dan persekitaran dan kemudahan kelas berdasarkan jantina.
- iii. Menenal pasti perbezaan pencapaian yang signifikan antara pencapaian pelajar lelaki dan perempuan yang mengambil subjek ekonomi.
- iv. Menentukan hubungan yang signifikan antara elemen-elemen kesediaan pelajar dengan pencapaian pelajar
- v. Menenal pasti hubungan sikap, dorongan, penilaian dan persekitaran dan kemudahan kelas dengan persekitaran pembelajaran modular.





1.5 Soalan Kajian

- i. Apakah tahap sikap, dorongan, penilaian dan persekitaran dan kemudahan kelas bagi mata pelajaran Ekonomi Tingkatan Enam?
- ii. Adakah terdapat perbezaan antara kesediaan pelajar dari segi aspek sikap, dorongan, penilaian dan persekitaran dan kemudahan kelas berdasarkan jantina?
- iii. Adakah terdapat perbezaan antara pencapaian pelajar lelaki dan perempuan yang mengambil subjek ekonomi 944?
- iv. Adakah terdapat hubungan antara kesediaan pelajar dengan pencapaian?
- v. Adakah terdapat hubungan yang signifikan antara sikap, dorongan, penilaian dan persekitaran dan kemudahan kelas dengan persekitaran pembelajaran modular?





1.6 Hipotesis


Hipotesis dalam kajian ini ialah seperti berikut:

- Ho1: Tidak terdapat perbezaan antara kesediaan pelajar dari elemen sikap berdasarkan jantina.
- Ho2: Tidak terdapat perbezaan antara kesediaan pelajar dari elemen dorongan berdasarkan jantina
- Ho3: Tidak terdapat perbezaan antara kesediaan pelajar dari elemen penilaian berdasarkan jantina.
- Ho4: Tidak terdapat perbezaan antara kesediaan pelajar dari elemen persekitaran dan kemudahan kelas berdasarkan jantina.
- Ho5: Tidak terdapat perbezaan pencapaian yang signifikan dalam kalangan pelajar lelaki dan perempuan yang mengambil subjek Ekonomi 944.
- Ho6: Tidak terdapat hubungan yang signifikan di antara elemen sikap dengan pencapaian pelajar dalam subjek Ekonomi 944.
- Ho7: Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara elemen dorongan dengan pencapaian pelajar dalam subjek Ekonomi 944.
- Ho8: Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara elemen penilaian dengan pencapaian pelajar dalam subjek Ekonomi 944.
- Ho9: Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara elemen persekitaran dan kemudahan kelas dengan pencapaian pelajar dalam subjek Ekonomi 944.

- Ho10: Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara sikap dengan persekitaran pembelajaran modular.
- Ho11: Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara dorongan dengan persekitaran pembelajaran modular.
- Ho12: Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara penilaian dengan persekitaran pembelajaran modular.
- Ho13: Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara persekitaran dan kemudahan kelas dengan persekitaran pembelajaran modular.

1.7 Kerangka Konseptual

Kerangka konseptual menunjukkan bagaimana pemboleh ubah tidak bersandar iaitu kesediaan pelajar yang terdiri daripada sikap pelajar, dorongan, penilaian dan persekitaran pembelajaran.



Rajah 1 Kerangka Konsep elemen kesediaan pelajar dengan pencapaian pelajar

1.8 Definisi operasi

a) Persekitaran Pembelajaran Sistem Modular

Penjenamaan semula tingkatan enam merujuk kepada transformasi atau perubahan semula sistem tingkatan enam yang berlaku di peringkat prauniversiti bermula tahun 2012. Persekitaran pembelajaran modular menekankan sistem semester di mana keputusan setiap semester akan ditambah dan dibahagikan mengikut nisbah. Sistem modular pula adalah merujuk kepada satu sistem prauniversiti yang telah menggantikan sistem terminal (STPM) bermula tahun 2011. Pembelajaran tingkatan enam adalah sama dengan pembelajaran di universiti yang membabitkan tiga semester. Menerusi pembelajaran di tingkatan enam, pelajar hanya menumpukan kepada modul semester berkenaan berbanding sistem penggal, pelajar terpaksa mengulang kaji pelajaran dari Tingkatan Enam Bawah hingga Tingkatan Enam Atas. Kaedah taksiran modular akan mengambil kira empat komponen iaitu penilaian berasaskan kurikulum dengan amalan peperiksaan biasa, projek sekolah, kerja amali dan ujian berasaskan sistem peperiksaan 'open book'. Dalam pentaksiran sistem modular, 20 hingga 30 peratus keputusan STPM diperoleh dari tugas kursus atau projek dan penilaian lain selain kerja amali manakala 70 hingga 80 peratus bergantung kepada peperiksaan akhir pengajian. Peperiksaan akhir tahun masih perlu dalam STPM untuk menentukan tahap keupayaan pelajar apabila memohon ke universiti (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2008).



b) Ekonomi 944

Mata pelajaran ekonomi 944 dalam kajian ini adalah kod mata pelajaran bagi STPM di peringkat modular. Ia dibahagikan kepada tiga (3) kod iaitu 944/1 iaitu Makroekonomi, 944/2 iaitu Mikroekonomi dan 944/3 iaitu Ekonomi Malaysia. Nombor selepas kod 944/ merujuk kepada semester yang perlu diajar skop berkenaan.

c) Elemen Kesyediaan Pelajar

Dalam kajian ini, kesediaan pelajar diuji dalam beberapa aspek iaitu sikap pelajar, dorongan, penilaian pelajar dan persekitaran di dalam mempelajari subjek ekonomi 944.

Ini termasuklah semasa menyediakan kerja khusus. Elemen-elemen ini telah diadaptasi daripada instrumen *What Is Happening In This Class?* (WIHIC) yang telah mengalami beberapa penambahbaikan bermula tahun 1996 dan telah digunakan sebagai instrumen kajian di Australia, Indonesia, Uganda dan lain-lain negara lagi. Dalam meningkatkan pencapaian pelajar STPM, kemahiran aras tinggi atau KBKK amatlah diperlukan dan boleh dicapai menerusi peningkatan tahap kesediaan pelajar terhadap mata pelajaran ini (Lee, 2016).

d) Pencapaian Pelajar

Pencapaian pelajar atau prestasi pelajar adalah kemampuan pelajar menguasai atau mencapai mata pelajaran di peringkat pra universiti. Dalam erti kata lain adalah kejayaan yang diperolehi pelajar dalam peperiksaan sama ada cemerlang, sederhana atau lemah





(Adnan Abdul Rashid, 2014). Pencapaian pelajar diukur dalam bentuk purata nilai gred keseluruhan (PNGK).

e) Mod Pengajian

Mod bagi sistem tingkatan enam merujuk kepada premis atau pusat pengajian enam. Mod satu merujuk kepada sekolah yang hanya menempatkan pelajar dan guru Tingkatan Enam saja, manakala Mod dua pula ialah pelajar Tingkatan Enam tempatkan di blok berasingan tetapi di dalam sekolah aliran perdana, sementara Mod tiga pula pelajar bercampur dan berkongsi bangunan dengan pelajar sekolah harian biasa.



1.9 Skop Kajian

Kajian ini hanya disasarkan kepada pelajar-pelajar yang mengambil mata pelajaran Ekonomi 944 di dalam peperiksaan STPM. Responden terdiri daripada pelajar-pelajar tingkatan 6 Atas bagi tahun 2017 yang telah menduduki peperiksaan STPM bagi semester 1 dan 2. Responden terbatas hanya yang belajar di sekolah-sekolah menengah di Negeri Pahang sahaja. Ia meliputi sebanyak 10 daerah di negeri Pahang yang menawarkan mata pelajaran ekonomi di peringkat STPM.



1.10 Signifikan kajian

Kajian ini diharap dapat membina satu ‘data asas’ tentang pengalaman dan sikap pelajar berkaitan pembelajaran yang boleh digunakan oleh semua yang terlibat dalam masyarakat pendidik bagi membantu dan membimbing pelajar menguasai subjek ekonomi di dalam kelas. Kajian ini dapat mengenal pasti masalah-masalah yang dihadapi oleh pelajar-pelajar yang mengambil subjek ekonomi sebelum proses pembelajaran bermula. Ini penting bagi menyediakan pelajar ke arah mencapai keputusan yang cemerlang sebelum melangkah ke universiti. Kajian ini juga diharapkan dapat membantu pihak sekolah amnya dan Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) khasnya membuat penambahbaikan terhadap proses pembelajaran dari segi perancangan dan persediaan serta kesesuaian subjek ekonomi 944 setelah 4 tahun pelaksanaannya.

1.11 Penutup

Bab ini secara keseluruhannya memberi gambaran yang melibatkan kajian kesediaan pelajar terhadap pencapaian pelajar Tingkatan Enam di negeri Pahang. Penyataan masalah pula mengupas tentang senario yang mendorong ke arah penghasilan kajian ini yang dipengaruhi oleh sikap, dorongan, penilaian dan kemudahan & persekitaran. Objektif dan persoalan kajian pula memfokuskan ke arah pengukuran tahap aspek kesediaan pelajar, serta perbezaan dan hubungan yang signifikan antara aspek. Hipotesis yang ingin dikaji bagi mengukur hubungan antara pemboleh ubah bagi elemen-elemen



kesediaan pelajar dan pencapaian dalam pembelajaran sistem modular tingkatan enam. Kajian ini juga diharapkan dapat membantu pihak-pihak yang berkaitan agar memperoleh manfaat daripada dapatan kajian terutama bagi pihak-pihak yang terlibat dalam sistem dan organisasi tingkatan enam.

